

KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN PENTADBIRAN PUSAT MATRKULASI UIAM KEBAJIKAN TERAS PERPADUAN

www.iiu.edu.my/kkk



Keluaran 22/06

Disember 2006/ Zulhijjah 1427H

Gambar aktiviti kelab boleh diihat di laman web kelab

Buletin Kelab

Kandungan Buletin

Petua memenangi hati wanita	2
Doa Keampunan	3
Petua Mengasihi Suami	4
Jodoh merupakan takdir dan perlu dicari	5
Kenapa Aku Diuji	6
Kutbah Terakhir Nabi Muhammad SAW	7
Kesah Pemgembala Kibas	8

MUTIARA KATA

Perhatian kepada agama pada zaman ini sudah pada yang sudahsudah.Disamping kejahatan yang bermaharajalela,keinsafan kepada Di mana-mana tegak. orang mengadakan pengajian kerana hendak mengetahui ajaran-(Hamka). Agama tidak melarang sesuatu perbuatan kalau perbuatan itu tidak merosak jiwa. Agama tidak menyuruh,kalau suruhan tidak membawa selamat dan bahagia jiwa. (Hamka).

Berita Semasa Kelab

23/Nov/2006 - En Abdul Latif dari Unit Penyelenggaraan & Perkhidmatan telah mendapat cahayamata lelaki yang bernama Abdul Wafiey bin Abdul Latif. Tahniah daripada kelab.

25/Nov/2006—Telah diadakan pendaftaran pelajar baru sessi 2006/2007 semester 2. Seramai 119 pelajar telah ditawarkan kepelbagai program di Pusat Matrikulasi UIAM ini. Selamat datang kepada pelajar-pelajar baru dan selamat menempuh minggu ta'aruf.

Ahli Jawatankuasa 2007-2008—Pemillihan AJK untuk tahun 2007/2008 akan diadakan pada Januari 2007. Oleh yang demikian ahli-ahli bolehlah membuat pemilihan AJK untuk jawatan-jawatan yang tertera di bawah ini. Buatlah pemilihan dengan bijak.

PENAUNG

Prof. Dr. Md Fadzil b. Md Hassan

PENGERUSI

TIMBALAN PENGERUSI 1

TIMBALAN PENGERUSI 2

SETIAUSAHA AGUNG

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

BENDAHARI

PENOLONG BENDAHARI

JURUAUDIT I

JURUAUDIT II

SETIAUSAHA REHLAH & RIADAH (LELAKI)

SETIAUSAHA REHLAH & RIADAH (WANITA)

SETIAUSAHA PENDIDIKAN

SETIAUSAHA KEBAJIKAN

SETIAUSAHA EKONOMI

SETIAUSAHA PENERBITAN & PERHUBUNGAN_

PERAKAM WAKTU : SATU RENUNGAN BUAT SEMUA

Telah tiba rupanya saat-saat gawat itu tatkala perakam waktu menjerit-jerit memberi amaran

kelihatanlah manusia saling berebut sesama sendiri

menanda kedatangan ke daerah perjuangan masing-masing.

Dalam asyik mengetuk perakam waktu seketika kita sebenarnya terlupa waktu telah dijualbeli.

Nah! Lihat sahaja di suatu penjuru berbisik sesama sendiri lalu angguk tanpa rasa berdosa dan tangan-tangan itu mulai kehilangan amanah.

Ah! Tak pernah terfikirkah mereka

penipuan di permulaan hari akan membawa selautan dosa sehingga ke petang?
Di suatu sudut perakam waktu menangis apa ertinya tulisan yang ditatu di badan? amaran yang jelas mula diremehkan masing-masing berebut membantu rakan merakam kedatangan penipuan berlarutan dan akhirnya menjadi amalan

kejujuran diketepikan lalu wujudlah budaya baru budaya penipuan.

Wahai manusia katakanlah siapa lagi bakal menolong mencatatkan waktu-waktu yang sebenar di sana selain pencatat amal kiri kananmu?



Petua Ilmiah Memenangi Hati Wanita

- 1. Bila saja anda pulang ke rumah, carilah dia dahulu sebelum anda lakukan perkara lain dan peluklah dia. Yang ni boleh digunapakai kalu bini balik keje dulu atau suri rumah. la sepatutnya bini tuh tunggu suami kan tapi in case le lauk tgh bergoreng ke atau tengah cuci diapers anak ke tetido ke...cari la dulu bgtau.."Yang, abang dah balik nih..meh nak peluk cikit". He he bukan org lain punya pon kan? Banyak khasiat tau peluk suami isteri nih...
- 2. Tanya kepadanya soalan-soalan yang tertentu menunjukkan anda sedar apakah yang dia rancang untuk lakukan hari ini. Tanya la ape dia nak masak..bole ke abang tolong walau tolong tengok pun satu apresiasi yang sangat wallah tau..orang laki nih suka biar bini buat keje sesorang..even teman bini sambil buat keje kan bagus...
- 3. Latihlah diri anda untuk mendengar serta bertanya soalan kepadanya. Jangan la kasik bini sembang sesorang..tunjukkan kita excited dengar cerita dia..tapi biarla sesuai dengan keadaan..
- 4. Bentengi diri anda untuk menyelesaikan masalahnya, tapi tunjukkan sifat memahami anda. Kalau rase nak bagi jalan penyelesaian pon jangan main paksa suruh dia ikut cadangan kita. Yang penting kita memahami apa yang dia nnak kata..
- 5. Berikan padanya perhatian yang sebenar tanpa menunggu dia memintanya selama setengah jam setiap hari. Takkan tak faham kan? Lepas solat subuh ke luang kan masa sama-sama...atau malam sebelum tidur ke... Bersembang-sembang dan santai bersama..setengah jam dari 24 jam bukan lama pon..Ini akan membangkitkan kasih sayang antara kita. Manakan tidak, keadaan ni lah yang membuatkan kita tak jemu dengan pasangan kita...kalau cam saya la kan, sambil2 dengar motivasi subuh kat tv tuh sambil sembang2 dgn hubby
- 6. Bawakan kepadanya hadiah yang mengejutkannya pada bila-bila masa lebih-lebih lagi pada tarikh atau perayaan yang bermakna. Yang ni jangan la terlepas pandang...bawak balik coklat pun hadiah gak namanya. Nih kat anak bawak balik memacam tapi kat bini bawak balik barang dapur je..Cubala belajar bawak balik coklat ke, bunga ke, baju tidur ke......Yang murah2 pun takpe...Janji sayang..
- 7. Rancanglah masa untuk bersamanya beberapa hari sebelum itu, jangan menunggu hingga malam Jumaat kemudian bertanya pula apakah yang hendak buat. Adei..yang ni kalau saye elaborate, kene banned pulak kan?
- 8. Jika pada suatu malam, dia merasa letih atau terlalu sibuk untuk memasak, tawarkan diri anda untuk memasak pula.Hah part nih lah yang saya sendiri tunggu2..macam suami saya masak lagi sedap dari saya masak. Masa dia offer nak masak, saya rasa sayalah perempuan paling beruntung sekali...Bukan senang tau...Tapi boleh tak saya cadangkan macam nih...contoh macam saya punya birthday, 6 April n abang saye 13 Jan....so, saya cadang kat suami setiap 6 hb every month dia masak...so, nanti time b'day kite dia masak spesel...n 13 hb every month makan kat luar...adui...best tau...
- 9. Selalulah memujinya dari segi kecantikan dan keanggunan rupa parasnya. Kita walaupun isteri tak la selawa Siti Nurhaliza ke, Ina Mawi ke...apa lah salahnya kita puji ratu hidup kita..dia yang beranakkan anak-anak kita, makan pakai lagi dia siap...dan dalam kita tak sedar dia jugak la yang mendoakan kita, membimbangi kita tatkala berjauhan..maka pujian yang sedikit akan membangkitkan motivasi dalam diri dia tanpa yang laki sedar....
- 10. Akui perasaannya bila dia merasa marah. Saya kalau marah la kan...he he..saya selalu tanya suami, dia sedar tak saya marah...bila dia kata dia sedar kira orait la, at least dia tau kat mana saya tak suka..kalau isteri marah, macam rendah diri lah sekejap..bukan takleh bg nasihat bebaik selepas tu...



KEAMPUNAN DAN

KEZALIMAN

Tafsirnya:

"Wahai

Tuhan kami!

Kami telah

menganiayani diri kami sendiri, dan kalau engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami nescaya menjadikanlah kami dari orang-orang yang rugi." (Surah al-A raaf: 23)

DOA UNTUK PENGAMPUNAN DAN KESAYANGAN

Tafsirannya:

"Wahai Tu-

han kami!

Kami telah

beriman; oleh

itu am-

punkanlah dosa kami serta berilah rahmat kepada kami dan sememangnya Engkau-lah jua sebaik-baik orang Pemberi Rahmat". (Surah al-Mu'minuun: 109)

UNTUK KEBAHAGIAAN KELUARGA

Tafsirnya: Wahai Tuhan ka-

بست وآللَه آلزَح إن الزَحيم

mi! Berilah kami beroleh

dari iste-

ri-isteri

dan zu-

riat ketu-

runan

kami:

perkara-

perkara

yang

тепуи-

kakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orangorang yang (mahu) bertakwa'.

(Surah al-Furqaan : 74)

Sebaik-baik lelaki adalah yang paling baik dan lemah lembut terhadap isterinya

PETUA MENGASIHI SUAMI

- 1. Bagi seorang isteri, anda perlulah menjamu mata suami anda. Lelaki mudah terangsang oleh penglihatan matanya. Pakailah pakaian yang menarik perhatiannya. Lemparkan senyuman yang bermakna. Berdandanlah dengan sempurna.. selitkan jelingan-jelingan manja.
- 2. Sambutlah kepulangan suami anda dengan gembira dan hantarlah pemergiannya dengan hati yang sedih dan mengharapkan kesetiaan. Jangan lupa untuk bersalaman dan berciuman apabila dia pulang dan apabila dia mahu meninggalkan rumah. Uruskan perihal suami anda dari segi makanan dan pakaiannya. Isteri yang bijak menjaga suami akan mengambil berat mengenai dua perkara penting, pertama zakar suaminya dan kedua perut suaminya.
- 3. Banyak membantu suami anda. Terutamanya apabila suami anda bermasaal! ah. Jangan banyak meminta-minta kerana ini akan menyebabkan suami anda berdukacita. Walaupun anda bekerja, usah boros dalam berbelanja, sama-samalah merancang masa depan bersama suami anda. Rujuklah kepada suami anda dalam hal-hal yang mana anda sendiri kurang yakin atau perkara yang melibatkan kesan terhadap ekonomi rumahtangga.
- 4. Nyatakan sayang anda kepada suami anda. Ia patut dilakukan setiap hari,walaupun setelah anda beranak cucu. Jangan anggap diri anda terlalu tua untuk itu semua.
- 5. Apabila berkesempatan, sentuh dan belailah suami anda selalu. Anda boleh mencuri-curi menciumnya ketika tidak dilihat oleh orang lain. Anda boleh memegang tangannya atau bahunya bila berjalan-jalan.
- 6. Jadikan amalan untuk menidurkan anak-anak anda lebih awal dari masa anda hendak masuk tidur. Amalkan juga masuk tidur bersama suami anda. Inilah antara masa yang paling manis dalam kehidupan berumahtangga.
- 7. Jika anda meminta pertolongan dari suami anda dan suami anda membantu tetapi tidak sempuna perbuatannya, jauhilah dari berleter atau marah kepadanya. Ini akan hanya menyebabkannya berjauh hati dan merajuk.
- 8. Jagalah anak-anak anda dengan baik dari segala segi. Elakkan dari sentiasa memarahi anak-anak anda, gunakan strategi memujuk dan mendorong. Jika anda selalu marahkan anak-anak anda di depan suami anda, suami anda mungkin merasa kurang senang, lagipun anak anda adalah anaknya yang disayanginnya.
- 9. Selalulah memicit-micit dan mengurut suami anda. Amalkan mandi bersamanya dan menggosok-gosok badannya. Jangan sekali mengatakan, busuk, pengotor, selekeh atau kata2 yang tidak sepatutnya dilemparkan, kerana hati suami akan tersentuh apabila isteri berkata2 demikian.
- 10. Apabila anda masuk tidur bersama suami

- anda, bukalah segala pakaian anda dan berselimut bersama suami anda. Ciumlah dengan ciuman yang hangat, iaitu ciuman yang memberikan pengertian bahawa "hanya kaulah satu-satunya kekasihku".
- 11. Bila anda tidur, sentiasalah mengadap suami anda. Jika pun anda hendak membelakanginya minta izin darinya atau anda berpusing sambil menyentuhnya. Cubalah tidur berbantalkan bahu suami anda, anda akan merasakan kenikmatannya.
- 12. Elakkan bercerita mengenai suami anda kepada orang lain, terutama sekali perkara yang boleh menjatuhkan air muka suami anda. Jika perlu pun, ceritalah perkaraperkara yang baik sahaja. Itulah tanda anda benar-benar mengasihi suami anda.
- 13. Sekiranya suami anda berhajat untuk "bersama" anda, layanilah ia dengan baik walau bagaimanapun kesibukan dan keletihan anda. Banyak perceraian atau kes poligami berpunca dari isteri yang kurang faham dengan keperluan suaminya di sudut seks. Kurangnya layanan dan banyaknya alasan menyebabkan suami berasa bosan terhadap anda.
- 14. Sesekali, ajaklah pula suami anda berjima'. Jika anda merasa malu untuk menyatakannya, lakukan godaan dengan halus. Biasanya seorang! lelaki akan memahami tanda-tanda anda memerlukan jima'. Ini akan membuatkan suami anda merasa bahawa dia diperlukan.
- 15. Apabila anda bersetubuh dengan suami anda, janganlah biarkan dia bersendirian melayarkan bahtera, sedangkan anda cuma menyuakan tubuh anda untuk disetubuhi dalam keadaan mahu tidak mahu. Hal ini akan sungguh mengecewakan suami anda. Dia akan merasa bahawa dirinya tidak dihargai, sedangkan pada fikirannya persetubuhan itu ialah jalinan kasih dua jiwa yang memanisfitasikan cintanya.
- 16. Ketika suami anda sakit, tunjukkanlah kesungguhan anda untuk merawatnya dan membangkitkan semula semangatnya, melahirkan kesedihan anda dan harapan anda agar dia lekas sembuh. Dia akan ingat kepada anda dan begitu mengasihi anda kerana dia tahu bahawa anda bukan saja mengasihinya sewaktu dia sihat. Ingat wahai isteri jangan biarkan suami anda kesakitan sendiri, sesungguhnya dalam keadaannya sakit dan anda pula tidak sikit pun menghiraukannya, hati lelaki mudah berkata'inginkan seseorang yang dapat membantu', jangan la hanya ingin senang bersama, bila susah tidak hiraukan. Pemikiran lelaki tak dapat di baca apabila umurnya 40 an.

Bersambung ke muka 5



Jodoh Merupakan Takdir Dan Perlu Mencarinya

Jodoh di tangan Tuhan, tetapi manusia harus berikhtiar mencari dan memilihnya" Pendapat ini lebih baik dari pendapat pertama, walaupun masih belum sempurna. Masalahnya terletak pada sudut ikhtiar untuk mencari dan memilih jodoh.

"Jodoh di tangan Tuhan dan manusia wajib berikhtiar mencari dan memilihnya sesuai dengan ketentuan yang ditentukan Tuhan" Pendapat ini lebih sempurna. Memang itulah aturan mencari dan memilih jodoh. Selain daripada pendapat di atas, masih ada cara lain yang digunakan di beberapa tempat seperti :

- 1. Jodoh dicari dan dipilih oleh orang tua tetapi perkahwinan berlangsung atas persetujuan anak.
- 2. Anak lelaki mencari dan memilih jodohnya sendiri tetapi keputusan berkahwin bergantung kepada orang tua.
- 3. Anak lelaki atau perempuan mencari atau memilih jodohnya sendiri tetapi keputusan perkahwinan bergantung kepada kedua belah pihak orang tua.
- 4. Anak lelaki atau perempuan mencari atau memilih jodohnya sendiri serta menentukan sendiri perkahwinannya. Mengikut ajaran Islam, persetujuan antara kedua belah pihak merupakan perkara asas, iaitu atas persetujuan dari calon suami dan isteri. Ini disebabkan perkahwinan di dalam Islam bertujuan untuk keselamatan dan kesejahteraan pasangan tersebut.

Kedua orang tua harus turut serta memikirkan atau memerhatikan jodoh bagi anaknya. Jadi masalah memilih jodoh dalam Islam boleh dilakukan oleh anak ataupun kedua orang tua. Namun begitu, kedua orang tua tidak boleh sesuka hati mencarikan calon untuk anaknya. Ianya mestilah berlandaskan ajaran Islam.

Bagi menentukan jodoh untuk kaum wanita, setidak-tidaknya perlu diperhatikan beberapa ciri berikut:

- 1. Pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab untuk membina rumahtangga
 - ii. Mencari nafkah yang jujur dan berhasiliii. Pasangan ideal dalam erti;
 - bersikap baik terhadap isteri
 - dapat memberikan kebebasan berfikir dan memberi pendapat - menerima kekurangan dan kelemahan isteri
 - dapat membantu tugas isteri dalam keadaan dan kegiatan tertentu
 - dapat menjaga kewibawaan isteri
 - dapat membimbing isteri ke jalan yang baik
 - dapat menghormati dan menyayangi sanak keluarga isteri
- iv. Bapa yang baik dan sayang kepada anakanak
- v. Pasangan yang baik zahir dan batin

Sambungan dari muka 4

- 17. Selalu la memasak untuk suami terutama bagi wanita yang berkerjaya. Elakkan suami anda dari selalu makan di luar, kerana air tangan seorang isteri juga dapat mengeratkan kasih sayang terhadap sesebuah keluarga.
- 18. Apabila suami anda meninggal dunia, jagalah anak-anak anda dengan baik serta berterusanlah menjaga silaturrahim bersama keluarga suami anda. Mudah-mudahan nanti, anda akan menemui suami anda disyurga. Kepada isteri, jika anda berlakukan demikian, teruskan la, kepada yang tidak melakukan salah satu darinya, cuba la baiki diri anda. Sesungguhnya yang paling penting, hormat la suami anda, jangan sekali di caci. Yang baik datangnya dari Allah s.w.t, yang buruk datangnya dari diri kita sendiri...ubahlah sebelum terlambat. Sekian

KETIKA TERPANDANG KERTAS

Ketika terpandang kertas itu di atas meja,

pantas tangan mencapai lalu membaca

"Ah! Borang Penilaian Prestasi Kerja, rupanya."

Lalu lembaran kuselak satu persatu bagai tahun lalu.

Bagaimana aku boleh terlupa? Sedang setiap tahun perlu mengisi borang

yang sama dan mendapat penilaian yang sama?

Ketika terpandang kertas itu, tiba-tiba sahaja aku jadi insaf. Itu cuma penilaian manusia sesama

manusia sahaja. Lantas terfikir bagaimana pula penilaian Tuhan

ke atas hambanya?

Apakah prestasi manusia telah mencapai taraf insane

KEPADA SEMUA AHLI YANG INGIN MENYUMBANGKAN ARTIKEL KE BULETIN KELAB ATAU KE LAMAN WEB KELAB SILA EMAIKAN KE amin@iiu.edu.my

KELEBIHAN SURAH AL-FATIHAH

Surah Al-Fatihah jika dibaca 41x pada segelas air suam untuk

diminum, diusap pada muka, tangan dan kaki orang yang mengidap demam

panas, insyaallah akan segera sembuh. Baca dan diamalkan 7x selepas solat fardu, insyaallah orang yang mengamalnya dihindari dari segala kesusahan hidup.

Dibaca surah ini 41x selepas solat subuh, insyaallah akan mudah mendapat rezeki, hutang langsai dan akan disenangi orang apabila bertemu dengannya. Semoga dapat AMAL

KENAPA AKU DIUJI?

"Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan saja mengatakan; "Kami telah beriman," sedangkan mereka tidak diuji? Dan sesungguhnya kami telah menguji orang2 yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang2 yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang2 yang dusta." -Surah Al-Ankabut ayat 2-3

KENAPA AKU TAK DAPAT APA YG AKU IDAM-IDAMKAN?

"Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu, Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui." -Surah Al-Bagarah ayat 216

KENAPA UJIAN SEBERAT INI?

"Allah tidak membebani seseorang itu melainkan sesuai dengan kesanggupannya." -Surah Al-Bagarah ayat 286

RASA FRUST?

"Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang2 yang paling tinggi darjatnya, jika kamu orangorang yang beriman." - Surah Al-Imran ayat 139

BAGAIMANA HARUS AKU MENGHADAPINYA?

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan

kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan)." -Surah Al-Imran ayat 200

"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk" -Surah Al-Baqarah ayat 45

APA YANG AKU DAPAT DRPD SEMUA INI?

"Sesungguhnya Allah telah membeli dr org2 mu'min, diri, harta mereka dengan memberikan syurga utk mereka... ..

-Surah At-Taubah ayat 111

KEPADA SIAPA AKU BERHARAP?

"Cukuplah Allah bagiku, tidak ada Tuhan selain drNya. Hanya kepadaNya aku bertawakkal." -Surah At-Taubah ayat 129

AKU DAH TAK DAPAT BERTAHAN LAGI!!!!!

"... ..dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah melainkan kaum yang kafir." -Surah Yusuf ayat 12

KUTBAH TERAKHIR NABI MUHAMAD S.A.W

(Khutbah ini disampaikan pada 9 Dzulhijjah 10 H dilembah Uranah, Arafah)

Ya, saudara-saudaraku, perhatikan apa yang akan aku sampaikan, aku tidak tahu apakah tahun depan aku masih berada di antara kalian. Kerananya dengarkan baik-baik apa yang kukatakan ini dan sampaikan kepada mereka yang tidak dapat hadir saat ini.

Ya, saudara-saudaraku, seperti kita ketahui, bulan ini, hari ini dan kota ini adalah suci, kereaanya pandanglah kehidupan dan milik setiap orang Muslim sebagai kepercayaan yang suci. Kembalikan barang-barang yang dipercayakan kepadamu kepada pemilik yang sebenarnya.

Jangan kau lukai orang lain sebagaimana orang lain tidak melukaimu. Ingatlah bahwa kamu akan bertemu dengan Allah SWT dan Dia akan memperhitungkan amalanmu dengan sebenar-benarnya.

Allah SWT telah melarangmu memungut riba, kerananya mulai saat ini dan untuk seterusnya kewajiban membayar riba dihapuskan. Waspadalah terhadap syaitan, demi keselamatan agamamu. Dia telah kehilangan semua harapannya untuk membawa kalian pada kesesatan yang nyata, tapi waspadalah agar tidak terjebak pada tipuan halusnya.

Ya, saudara-saudaraku, adalah benar kamu mempunyai hak tertentu terhadap isteriisterimu, tapi mereka juga mempunyai hak atas dirimu. Apabila mereka mematuhi hakmu
maka mereka memperoleh haknya untuk mendapat makanan dan pakaian secara layak. Perlakukanlah isteri-isterimu dengan baik dan bersikaplah manis terhadap mereka, kerana
mereka adalah pendampingmu dan penolongmu yang setia. Dan adalah hakmu untuk melarang mereka bersahabat dengan orang-orang yang tidak kamu sukai, dan juga terlarang
melakukan perzinaan. Ya, saudara-saudaraku, dengarkanlah baik-baik, sembahlah Allah,
Solat lima kali dalam sehari, laksanakan Puasa selama bulan Ramadhan, dan tunaikanlah Zakat, laksanakan ibadah Haji bila mampu.

Ketahuilah bahawa sesama Muslim adalah bersaudara. Kamu semua adalah sedarjat. Tidak ada perbezaan satu terhadap yang lain kecuali Ketaqwaan dan Amal Soleh. Ingatlah, suatu hari kamu akan mengadap Allah dan harus mempertanggung jawabkan semua amalanmu. Kerana itu berhati-hatilah jangan menyimpang dari jalan kebenaran setelah pemergianku nanti.

Ya, saudara-saudaraku, tidak akan ada Nabi atau Rasul sesudahku dan tidak akan ada agama lain yang lahir. Kerananya semaklah baik-baiknya Saudaraku, dan fahamilah kata-kata yang kusampaikan kepadamu, bahwa aku meninggalkan dua pusaka, Al-Qur'an dan contoh-contohku sebagai As-Sunnah dan bila kalian mengikutinya tidak mungkin akan tersesat.

Siapa yang mendengarkan perkataanku ini wajib menyampaikannya kepada yang lain dan seterusnya dan mungkin yang terakhir memahami kata-kataku ini bisa lebih baik dari yang langsung mendengarkan. Demi Allah aku bersaksi, bahawa aku telah menyampaikan ajaran-Mu kepada umat-Mu ya Allah.

J

KESAH PENGEMBALA KIBAS

Di suatu masa dahulu, terdapat seorang alim ulamak yang tersohor kerana ilmu dan amalannya. Beliau adalah seorang penghafal Al-Quran dan juga penghafal beribu - ribu hadith sahih semenjak kecil lagi. Dan semenjak kecil lagi, beliau telah di hantar oleh kedua ibu dan bapanya untuk menuntut di Mekkah dan Madinah selama berpuluh tahun lamanya. Bapanya juga adalah seorang alim ulamak yang pernah mengembangkan agama Islam sampai ke negara selatan Siam. Mengikut ceritanya, bapanya adalah orang pertama di zaman moden ini yang bukan daripada warga Arab Saudi diberi penghargaan mengimamkan solat fardhu di Masjidil Haram, Mekkah. Nak dijadikan cerita, pada suatu masa, alim ulamak tersebut telah jatuh sakit lalu tidak dapat untuk mengimamkan solat fardhu di suraunya. Maka tiba - tiba datanglah seorang yang berpakaian buruk (seolah - olah kelihatan tidak siuman) sejurus sebelum solat fardhu di laksanakan. Alim ulamak tersebut telah meminta supaya orang yang berpakaian buruk tersebut untuk menggantikannya menjadi imam! Setelah solat fardhu selesai, maka orang yang berpakaian buruk tersebut telah memohon untuk mengundur diri. Kelihatan senyuman terukir pada wajah murid - murid alim ulamak tersebut kerana semasa sembahyang fardhu tadi, orang yang berpakaian koyak tersebut tidak membaca surah fatihah dan surah yang lain dengan tajwid yang betul. Mereka tidak biasa dengan keadaan sebegitu kerana guru mereka, yaitu alim ulamak tersebut, adalah seorang yang fasih dalam berbahasa arab serta mempunyai bacaan tajwid yang sungguh baik sekali (maklumlah seorang al-hafiz dan sudah berpuluh tahun belajar di Mekkah). Maka alim ulamak tersebut telah bersalaman dan berpelukan dengan orang yang berpakaian buruk tersebut sebelum orang yang berpakaian buruk meninggalkan surau. Setelah itu, alim ulamak memanggil keseluruh muridnya berkumpul di hadapannya lalu beliau telah bercerita: ernah berlaku di suatu kampung di timur tengah dimana terdapat seorang pengembala kibas yang sangat alim, sangat suka merendahkan diri dan suka menolong penduduk kampung sekiranya di minta pertolongan. Cuma yang peliknya, ternakan kibasnya yang di kurung di dalam sebuah kandang yang serdehana besar itu tidak pernah luak walau banyak mana sekalipun orang datang untuk membeli kibas daripadanya. Belilah sampai seratus ekor sekalipun, setelah kibas - kibas tersebut di bawa keluar daripada kandang, yang tinggal di dalam kandang tetap kelihatan sama banyak bilangannya seperti sebelum seratus ekor di bawa keluar daripada kandang! Maka seluruh alim ulamak penduduk kampung telah beranggapan bahawa pengembala kibas tersebut adalah seorang aulia' Allah dan mereka telah bermuafakat untuk pergi berjumpa dengan pengembala kibas tersebut dan memohon supaya dia mengimamkan solat di masjid kerana mereka mahu mengambil berkat menjadi makmum kepada pengembala kibas tersebut. Hasrat mereka telah di persetujui oleh pengembala kibas. Sembahyang pun di laksanakan di masjid, dan pengembala kibas telah menjadi imam. Malangnya, semasa membaca surah fatihah dan surah berikutnya, bacaan beliau tidak sempurna tajwidnya. Maka setelah selesai sembahyang, seluruh penduduk kampung telah pulang kerumah masing - masing sambil ketawa terbahak - bahak kerana mereka berfikiran bahawa tanggapan mereka terhadap pengembala kibas sebelum ini sebagai aulia' Allah telah jauh meleset. Pada malam tersebut, seluruh alim ulamak penduduk kampung telah bermimpi, dan mereka mendapat mimpi yang sama. Datang seorang lelaki yang tinggi dan kacak di dalam mimpi mereka dan lelaki tersebut telah mengatakan bahawa seumur hidup mereka bersembahyang, itulah baru kali pertamanya sembahyang mereka telah diterima Tuhan! Subhanallah! Keesokan harinya, kesemua alim ulamak penduduk kampung berkumpul di masjid untuk menunaikan sembahyang subuh dan setelah selesai sembahyang subuh mereka terus menuju ke kandang pengembala kibas. Malangnya, pengembala kibas telah tiada, kandang dan kibasnyapun telah tiada. Bekas kandangpun tiada, seolah - olah kandang kibas tidak pernah wujud! Setelah selesai menceritakan kisah pengembala kibas, maka kebanyakan anak muridnya telah menangis kerana mereka tahu mereka telah membuat kesalahan kerana telah mendahalui Allah dengan merendahkan amalan makhluk Allah yang lain, sedangkan mereka sendiri tidak tahu akan kedudukan mereka di sisi Allah. Allah Ta'ala telah berfirman yang sekira - kira bermaksud :

"Janganlah engkau semua melagak - lagakkan dirimu sebagai orang suci. Allah adalah lebih mengetahui kepada siapa yang sebenarnya bertaqwa." (Surah An-Najm : 32)

"Janganlah engkau memalingkan muka dari para manusia sebab kesombangan dan janganlah berjalan di bumi dengan takabbur, sesungguhnya Allah itu tidak suka kepada setiap orang yang sombong dan membanggakan diri." (Surah Luqman : 18)